

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

**YFP 323 – Penerbitan Televisyen II**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Telitikan segmen rancangan televisyen yang ditayangkan dan nilaikannya secara kritis. Perbincangan anda harus memberi perhatian kepada elemen-elemen berikut:

- Isu utama yang dibincangkan,
- Pemilihan item, dan temuramah,
- Penyampaian "on camera stand-up" dan suara latar oleh wartawan segmen tersebut,
- Teks dan visual yang digunakan dalam segmen tersebut.

(100 markah)

2. Terangkan semua jenis pergerakan kamera. Dengan merujuk kepada penerbitan anda, nilaikan kelemahan dari segi penggambaran dan pergerakan kamera dalam projek majalah TV anda.

(100 markah)

...2/-

3. Setiap penerbitan memerlukan perancangan dan persediaan yang rapi. Dengan merujuk kepada penerbitan studio anda, terangkan semua sekuen penerbitan yang anda telah gunakan untuk menjayakan rancangan tersebut.

(100 markah)

4. Penyuntingan merupakan satu proses yang penting dalam menyampaikan maklumat secara berkesan dalam berita. Dengan merujuk kepada penerbitan berita anda, bincangkan faktor-faktor yang diberi perhatian dalam suntingan berita anda.

(100 markah)

-0000000-